

Usah gopoh tunai haji,
ambil kira kemampuan diri

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

badah haji merupakan rukun kelima dalam Islam dan ia wajib ke atas umat Islam sekurang-kurangnya sekali seumur hidup.

Namun, Islam menetapkan salah satu daripada syarat-syarat wajib haji adalah istito'ah atau berkemampuan. Konsep istito'ah dalam ibadah haji rangkumi pelbagai aspek antaranya kemampuan dari sudut kewangan, silihan, keselamatan, kendaraan dan perlu mendapatkan tasirih atau benaran untuk melaksanakan haji iaitu nota dan visa.

Untuk membantu memastikan umat Islam di negara ini memenuhi konsep istito'ah dalam menuaikan ibadah itu, lembaga Tabung Haji (TH) telah memberikan Bantuan Kewangan Haji u subsidi haji kepada jemaah sejak 2011 dan telah menambah baikkanisme itu secara bersasar bermula pada tahun 2022.


Menurut Pensyarah Pusat Kajian Kuarah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Datuk Dr Mohd Izharoff Mohd Kashim, sehingga kini TH berusaha sedaya-upaya membantu umat Islam menuaikan ibadah haji. "Umat Islam dibantu mengerjakan ibadah haji dengan cara mereka perlu menjadi pendeposit TH dan daftarkan nama mereka untuk talian ibadah berkenaan."

"Kemudian pihak TH akan pastikan mereka yang disimpang oleh jemaah haji dapat digunakan sebaik mungkin apabila tiba waktunya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Namun, Mohd Izhar menjelaskan hanya umat Islam yang menuaikan ibadah haji perlu memenuhi syarat istito'ah yang ditetapkan Islam termasuk mengambil kira soal keperluan dan pajakan orang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan seketika.

"Bagaimanapun, sekiranya ada pihak yang mencipta golongan yang tidak mempunyai istito'ah menuaikan haji, maka ia tersebut telah termasuk dalam orang yang berkemampuan dari segi kewangan ketika menuaikan haji."

"Tetapi pada masa sama, orang itu perlu pastikan dirinya turut berkemampuan dari sudut fizikal, silihan selain ada kemampuan kewangan untuk menanggung keluarga



Umat Islam yang menuaikan ibadah haji perlu memenuhi syarat istito'ah dan perlu mengambil kira soal keperluan serta kebijakan orang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan.

yang di bawah tanggungjawab mereka di Malaysia kerana jemaah perlu pastikan mereka berada dalam keadaan aman dan selamat," jelas beliau.

Tidak perlu tergesa-gesa

Oleh itu, beliau menasihati orang ramai yang ingin menuaikan haji tetapi belum menepati konsep 'istito'ah pula, yang penting niat untuk buat haji itu perlu disertai dengan usaha dan tawakal.

"Jaga kesihatian, tingkatkan ilmu pengetahuan dan ajar anak-anak menabung seawal usia kecil," kata beliau.

Mohd Kazim memberitahu, selama berpuluhan tahun, umat Islam di Malaysia dibantu mengerjakan ibadah haji hasil pengurusan yang cekap oleh TH yang sentiasa mengulamakan kepentingan pendeposit.

Ujarnya, bantuan kepada jemaah dalam bentuk Bantuan Kewangan Haji secara bersasar patut diteruskan kerana ia sangat diperlukan segelintir pendeposit.

"Bagi yang berkemampuan (dari segi kewangan) bolehlah memberikan bantuan yang sepatutnya diperoleh mereka kepada individu lain yang tidak berkemampuan," syornya.

Sinar Harian pada 2 November lalu melaporkan berlaku peningkatan jumlah jemaah haji yang menolak Bantuan Kewangan Haji apabila mereka membayar penuh kos menuaikan ibadah itu sebanyak RM30,850 bagi musim haji tahun ini.

Menurut TH, pada musim haji tahun 1444H/2023, seramai 67 orang dari kalangan B40 dan M40 menolak Bantuan Kewangan Haji secara total dan membayar penuh manakala 396 jemaah haji telah membayar RM1,000 hingga RM12,000 lebih daripada kadar bayaran haji yang ditetapkan. Ini berbanding musim haji 1443H/2022M yang lalu yang

hilang keupayaan termasuklah dari sudut akal maka kefarduan itu gugur dan bolehlah ahli keluarga melaksanakan badal haji untuknya.

"Bagi orang ramai yang ingin menuaikan haji tetapi masih belum tepati konsep istito'ah pula, yang penting niat untuk buat haji itu perlu disertai dengan usaha dan tawakal.

"Jaga kesihatian, tingkatkan ilmu pengetahuan dan ajar anak-anak menabung seawal usia kecil," kata beliau.

Mohd Kazim memberitahu, selama berpuluhan tahun, umat Islam di Malaysia dibantu mengerjakan ibadah haji hasil pengurusan yang cekap oleh TH yang sentiasa mengulamakan kepentingan pendeposit.

Ujarnya, bantuan kepada jemaah dalam bentuk Bantuan Kewangan Haji secara bersasar patut diteruskan kerana ia sangat diperlukan segelintir pendeposit.

"Bagi yang berkemampuan (dari segi kewangan) bolehlah memberikan bantuan yang sepatutnya diperoleh mereka kepada individu lain yang tidak berkemampuan," syornya.

Sinar Harian pada 2 November lalu melaporkan berlaku peningkatan jumlah jemaah haji yang menolak Bantuan Kewangan Haji apabila mereka membayar penuh kos menuaikan ibadah itu sebanyak RM30,850 bagi musim haji tahun ini.

Menurut TH, pada musim haji tahun 1444H/2023, seramai 67 orang dari kalangan B40 dan M40 menolak Bantuan Kewangan Haji secara total dan membayar penuh manakala 396 jemaah haji telah membayar RM1,000 hingga RM12,000 lebih daripada kadar bayaran haji yang ditetapkan. Ini berbanding musim haji 1443H/2022M yang lalu yang

mana seramai 44 orang jemaah telah membuat bayaran penuh kos haji.

Katanya, peningkatan jumlah jemaah haji yang membayar kos haji penuh tersebut jelas menunjukkan kesedaran umum dan jemaah mengenai kepentingan istito'ah dalam ibadat haji.

Dalam pada itu, pesara pensyarah, Raja Sulaiman Raja Lope Ahmad, 61, berkata, peningkatan jumlah jemaah yang membayar kos penuh haji tersebut akan dapat mengurangkan perbelanjaan TH.

"Alhamdulillah, ini satu perkembangan yang baik. Ia secara tidak langsung akan menambah simpanan TH selain ia juga baik kepada pendeposit yang mengharapkan pulangan tabungan yang memuaskan," katanya yang membayar penuh kos menuaikan haji pada tahun lalu.

REAKSI

“

Ketuaaman kuota haji perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar mampu menyediakan belanja secara penuh tanpa mengharapkan subsidi dari TH. Subsidi haji sepatutnya dikecilkkan jumlahnya supaya pulangan kepada pendeposit lebih tinggi. “Dari pada pulangan itulah sebenarnya akan menjadikan seseorang yang tidak mampu bertukar menjadi istito’ah.

- Bekas penerima kuota haji TH, Abdul Hadi Abdul Ramon, 37.



“

Sekiranya ada manajemen fakir miskin dan mualaf terima tajaan haji, itu rezeki mereka. Namun, mereka perlu dipastikan ada kemampuan untuk sediakan perbelanjaan orang yang di bawah tanggungjawab mereka seperti isteri dan anak.

"Saya sokong subsidi bersasar dilaksanakan kerana ia akan membantu golongan yang benar-benar layak dan mengurangkan beban tanggungan TH."



- Imam Masjid, Mohd Rosdian Mohamad, 50.



MOHD IZHAR

MOHD KAZIM

RAJA SULAIMAN